



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)

Tingkat 5, Menara I&P 1,  
No. 46 Jalan Dungun, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2095 3030 / 2081 3000  
F +603 2095 2121  
www.mymrt.com.my



# SIARAN MEDIA

## KEJADIAN KEMALANGAN MAUT DI JALAN IBRAHIM SULTAN, JOHOR BAHRU

**Johor Bahru, 25 Disember 2022:** Merujuk kepada laporan akhbar Malay Mail bertarikh 24 Disember 2022 bertajuk “*After Complex, 10-hour operation, emergency services recover lorry driver killed in crash at RTS link project site in JB*”.

Pihak Malaysia Rapid Transit System Sdn Bhd (MRTS) telah menjalankan siasatan berhubung kejadian tersebut dan kami ingin memaklumkan bahawa kemalangan itu berlaku di luar kawasan tapak projek RTS Link, dan lori yang terlibat di dalam kemalangan tersebut tidak mempunyai kaitan dengan projek.

Pihak MRTS telah bekerjasama rapat dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam membantu kedua pihak sepanjang operasi menyelamatkan sehingga jam 8.45pm.

Pihak kami amat bersimpati atas kejadian yang berlaku dan mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mangsa. Kami juga ingin menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang membantu operasi menyelamatkan.

Orang ramai boleh menghubungi pihak kami melalui talian Careline 1800-88-6782 atau emel kepada [rts-feedback@mymrt.com.my](mailto:rts-feedback@mymrt.com.my) bagi menyalurkan sebarang aduan/cadangan berkaitan projek RTS Link.

-/tamat-

**Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:**

**Encik Zamri Zakariah**  
MRT Corp

**+6012-916 2000 / [zamri.zakariah@mymrt.com.my](mailto:zamri.zakariah@mymrt.com.my)**